

Kempen : Promo Pembiayaan Peribadi-i Islamic First 2022***Khusus bagi Pembiayaan Peribadi-i HLISB SAHAJA***Dikemaskini pada **29 Ogos 2022****TEMPOH KEMPEN**

Kempen Pembiayaan Peribadi-I Islamic First (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad 2005501009144 (686191-W) (“**HLISB**”) bermula pada **1 September 2022** dan berakhir pada **31 Oktober 2022**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat (“T&Cs”)

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&Cs”):-

KELAYAKAN

1. Kempen terbuka kepada seluruh pemegang akaun individu warga Malaysia yang sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”), Hong Leong Bank Berhad (HLB) dan HLISB, secara kolektif disebut Bank, yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:-
 - (a) Berumur antara dua puluh satu (21) hingga enam puluh (60) tahun;
 - (b) Tiada baki tunggakan dalam mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB mereka yang sedia ada dengan Bank sebelum Tempoh Kempen (bagi Pelanggan sedia ada sahaja);
 - (c) Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang akaun semasa/akaun semasa-i dan/atau akaun simpanan/akaun simpanan-i dengan Bank sebelum Tempoh Kempen; dan
 - (d) Telah memperoleh kelulusan dan pembayaran bagi Pembiayaan Peribadi-i HLISB mereka sejumlah Ringgit Malaysia **Empat Puluh Ribu (RM40,000) dan ke atas.**
2. Golongan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:-
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan undang-undang yang dinyatakan di dalam ini;
 - (c) Kakitangan tetap dan pekerja kontrak Bank.

KAEDAH KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen, Pelanggan Layak dikehendaki melakukan perkara berikut:-

Memohon Pembiayaan Peribadi-i HLISB melalui mana-mana saluran permohonan berikut sepetimana dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:-

Jadual 1

Amaun Pembiayaan Minimum	Tempoh Pembiayaan	Saluran Permohonan
Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000.00)	Dua (2) hingga lima (5) tahun	Datang terus ke Cawangan, Terminal am:pm, Jualan Langsung, Telepemasaran dan Tablet Jualan dan Perkhidmatan di Cawangan
		Laman sesawang Bank di www.hlb.com.my/pl atau www.hlisb.com.my/pfi (“Laman Sesawang Bank”)
		Perbankan Dalam Talian HLB Connect
Tarikh akhir pembayaran pembiayaan 30 November 2022		

*Bagi mengelakkan keraguan, Amaun Pembiayaan diluluskan tidak semestinya amaan Pembiayaan yang dimohon oleh Pelanggan.

Di samping itu, Pelanggan yang memilih membuat permohonan melalui saluran HLB Connect atau Terminal am:pm mestilah memenuhi segala kriteria di bawah ini-

- (i) Mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i HLB/HLISB individu yang sah dan aktif;
- (ii) Tidak mempunyai apa-apa Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i yang sedia ada dengan Bank; dan
- (iii) Mestilah pengguna berdaftar HLB Connect (bagi permohonan melalui HLB Connect sahaja).

Bagi tujuan Kempen, Pelanggan yang telah memenuhi segala kriteria di bawah Fasal 1 & 3 di atas akan disebut “**Pelanggan Layak**”.

Hadiah Eksklusif

Jadual 2

Amaun Dibayar	Hadiah	Peruntukan
RM40,000 dan ke atas	Pin Tambah Nilai Touch'nGo eWallet RM50	500

4. Bagi mengelakkan keraguan, Kempen ini hanya berlaku sah atas dasar siapa cepat dia dapat dan/atau tertakluk kepada ketersediaan Hadiah.
5. **Pelanggan Layak** yang berhak menerima Hadiah akan diberitahu melalui **SMS atau E-Direct Mailer (EDM)** dalam masa sembilan puluh (90) hari perniagaan dari tarikh akhir kempen.
6. **Pelanggan Layak** yang telah memohon Pembiayaan Peribadi-i semasa tempoh kempen akan berhak menerima satu (1) unit Hadiah, bergantung kepada syarat-syarat yang tersebut dalam Jadual 2 di atas.
7. **Pelanggan Layak** hanya akan berhak menerima satu (1) Hadiah bagi setiap kes tanpa mengira bilangan permohonan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen.
8. Kempen ini TIDAK sah dengan mana-mana kempen/promosi lain yang sedang berlangsung yang ditawarkan oleh HLISB bagi Pembiayaan Peribadi-i mengikut Jadual 1 di atas dari semasa ke semasa.
9. Hadiah tidak boleh dipindah milik, juga tidak boleh ditukar. HLISB berhak menggantikan hadiah dengan sebarang jenis barang lain yang senilai atas budi bicaranya disebabkan tidak terdapatnya Hadiah atau atas sebab-sebab di luar jangkaan dan sebagainya.

UMUM

10. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju:-
 - (a) mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong, jika berkenaan;
 - (b) mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi Bank;
 - (c) mengakses laman sesawang HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
 - (d) keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Pembiayaan Peribadi-i dan/atau amaun yang diluluskan bagi Pembiayaan Peribadi-i) adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak; dan
 - (e) mereka akan dipertanggungjawabkan dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

11. HLISB berhak:-

- (a) menolak sebarang permohonan Pembiayaan Peribadi-i yang dikemukakan;
- (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen; dan
- (c) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs yang terkandung di dalam ini, keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Kempen atas budi bicaranya, dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara menyiarkannya dalam laman sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLISB.

12. T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat percanggahan antara T&Cs Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mengikut mana yang berkenaan, T&Cs tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
13. Jika terdapat percanggahan antara T&Cs di dalam ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka terma dan syarat muktamad seperti tertera dalam laman sesawang Bank hendaklah diutamakan.
14. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

- baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong -